

28 MAY 1996

Yong-Sumpah

YONG ANGKAT SUMPAH KETUA MENTERI SABAH

KOTA KINABALU, 28 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Maju Sabah Datuk Yong Teck Lee hari ini mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah ke-10, menggantikan Datuk Mohd Salleh Said Keruak, sebagai menunaikan janji Barisan Nasional (BN) untuk melaksanakan sistem penggiliran jawatan itu di kalangan tiga masyarakat utama di negeri ini.

Yong, 38, mewakili masyarakat Cina, mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Negeri Tan Sri Sakaran Dandai pukul 10.15 pagi di Istana di sini.

Upacara itu disaksikan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Charles Ho manakala doa selamat dibacakan oleh Jatmin Mohd Som dari Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri.

Anggota Kabinet negeri yang lain akan mengangkat sumpah di Istana pukul 2.30 petang ini.

Yang turut hadir pada majlis pagi ini ialah isteri Sakaran, Puan Sri Hajah Rukaiyah Panglima Abdullah, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Hassan Alban Sandukong, pegawai kanan kerajaan dan pembesar negeri.

Janji untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri di kalangan kaum bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pilihan raya negeri pada Februari 1994.

Parti Bersatu Sabah (PBS) memenangi pilihan raya itu tetapi Barisan Nasional (BN) mengambil alih teraju pemeritahan negeri pada 17 Mac tahun itu apabila beberapa anggota Dewan Undangan Negeri daripada PBS berpindah ke parti komponen BN atau menubuhkan parti baru yang kemudiannya diterima menganggotai BN.

Sakaran, ketika itu Pengerusi BN negeri, menjadi Ketua Menteri tetapi melepaskan jawatannya pada 28 Dis 1994, apabila beliau dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri.

Salleh, yang mengambil tempat Sakaran, sepatutnya menamatkan penggal jawatannya pada 17 Mac tahun ini tetapi Dr Mahathir memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan penggiliran jawatan itu hingga pindaan undang-undang negeri berkaitan dengan kuasa Ketua Menteri dalam hal-hal perhutanan dan tanah.

Dr Mahathir kemudian menyatakan bahawa sistem penggiliran itu boleh dilaksanakan tanpa menunggu pindaan itu yang akan dibentangkan kepada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 16 dan 17 Jun.

Yong, peguam dan bekas Timbalan Presiden PBS, meninggalkan parti itu sebelum pilihan raya negeri pada 1994 untuk menubuhkan SAPP ekoran krisis kepimpinan.

Beliau merupakan Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Pembantu Menteri Kewangan sebelum dilantik menjadi Timbalan Ketua Menteri dalam kerajaan PBS.

Apabila BN mengambil alih kerajaan negeri, Yong sekali lagi dilantik menjadi Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan sebelum dilantik menjadi Menteri Kewangan dalam rombakan kabinet negeri pada November tahun lepas.

Yong sudah berkahwin dan mempunyai empat orang anak. -- BERNAMA

OPP NMO